

Suara Dalam Talian: Penggunaan LMS Dalam Pembelajaran Bertutur Bahasa Jerman

Safinur Chin, Nurul Najihah Ramlan, Mohd Fikri Aiman Mohd Zulkefli, Zaleha Mat Aman, Aina Husnina Hanizan, dan Sareepa Jearwae

Universiti Malaysia Perlis

safinur@unimap.edu.my, nurulnajihah@unimap.edu.my, fikriaiman@unimap.edu.my, zaleha.m@unimap.edu.my, ainahusnina@unimap.edu.my, sareepa@unimap.edu.my

ABSTRAK

Penggunaan Learning Management System (LMS) semakin meluas dalam pendidikan, termasuk dalam pembelajaran Bahasa Jerman. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan LMS dalam meningkatkan kemahiran bertutur pelajar. LMS menyediakan platform interaktif yang membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran, menjalankan aktiviti komunikasi, dan menerima maklum balas secara langsung. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan terhadap jurnal terdahulu dan kajian kes melibatkan seramai 30 pelajar peringkat ijazah sarjana muda yang mengikuti kursus Bahasa Jerman Persediaan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian terhadap aktiviti komunikasi dalam LMS seperti forum, rakaman suara, dan perbualan video. Dapatan menunjukkan bahawa LMS membantu meningkatkan keyakinan pelajar, memperbaiki sebutan, serta membolehkan latihan sendiri yang fleksibel. Fungsi seperti rakaman audio/video, chatbot AI, penilaian automatik, serta interaksi dalam talian dengan rakan sebaya dan tenaga pengajar turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan bertutur. Namun, terdapat cabaran seperti kebergantungan kepada teknologi, kekurangan interaksi bersemuka, dan tahap motivasi sendiri yang rendah dalam kalangan sesetengah pelajar. Oleh itu, kajian mencadangkan agar elemen teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), realiti maya (VR), dan strategi pengajaran adaptif diintegrasikan dengan lebih menyeluruh dalam LMS. Sebagai rumusan, LMS berupaya menjadi medium yang efektif dalam memperkasakan pembelajaran Bahasa Jerman, terutamanya kemahiran bertutur, apabila dilaksanakan dengan pendekatan pedagogi yang interaktif dan menyeluruh.

Kata kunci: Learning Management System (LMS), pembelajaran Bahasa Jerman, kemahiran bertutur, pembelajaran teradun, interaksi dalam talian

ABSTRACT

The use of Learning Management Systems (LMS) is becoming increasingly widespread in education, including in German language learning. This study aims to evaluate the effectiveness of LMS in enhancing students' speaking skills. LMS provides an interactive platform that enables students to access learning materials, engage in communication activities, and receive immediate feedback. This study adopts a qualitative approach through content analysis of previous journals and a case study involving 30 undergraduate students enrolled in a Preparatory German Language course at Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Data were collected through semi-structured interviews and observations of communication activities on LMS, such as forums, voice recordings, and video conversations. Findings indicate that LMS contributes to increased student confidence, improved pronunciation, and allows for flexible self-directed practice. Features such as audio/video recording, AI chatbots, automated assessments, and online interaction with peers and instructors also contribute to the enhancement of speaking proficiency. However, challenges such as technological dependency, lack of face-to-face interaction, and low self-motivation among some students were identified. Therefore, this study recommends the integration of technological elements such as artificial intelligence

(AI), virtual reality (VR), and adaptive teaching strategies into LMS more comprehensively. In conclusion, LMS has the potential to serve as an effective medium for empowering german language learning, particularly in speaking skills, when implemented through an interactive and holistic pedagogical approach.

Keywords: Learning Management System (LMS), german language learning, speaking skills, blended learning, online interaction

PENGENALAN

Kemajuan teknologi digital telah membawa transformasi besar dalam bidang pendidikan, terutamanya melalui penggunaan sistem pengurusan pembelajaran atau Learning Management System (LMS). LMS bukan sahaja bertindak sebagai medium penyampaian bahan pembelajaran, tetapi turut menjadi platform interaktif yang menyokong pelbagai bentuk komunikasi, penilaian, dan kolaborasi dalam talian. Dalam konteks pembelajaran bahasa asing, khususnya Bahasa Jerman, LMS membuka ruang baru kepada pelajar untuk mengasah kemahiran bertutur melalui pelbagai aktiviti yang boleh diakses secara dalam talian dan fleksibel.

Kemahiran bertutur merupakan salah satu aspek terpenting dalam penguasaan bahasa asing. Dalam konteks pembelajaran Bahasa Jerman di peringkat universiti di Malaysia, pelbagai cabaran telah dikenalpasti termasuk masa pengajaran yang terhad, bilangan pelajar yang ramai serta kurangnya pendedahan kepada penutur jati. Keadaan ini menyukarkan latihan bertutur yang berkesan dan berterusan. Justeru itu, integrasi teknologi melalui penggunaan Learning Management System (LMS) dilihat sebagai satu alternatif yang berpotensi besar dalam menyokong pembelajaran kemahiran bertutur secara sendiri dan interaktif.

LMS seperti Google Classroom, Moodle, dan Canvas menyediakan platform digital yang membolehkan pensyarah merancang dan melaksanakan aktiviti interaktif termasuk forum, tugas rakaman suara, serta latihan sendiri. Pelajar boleh memanfaatkan ciri-ciri ini untuk mengasah sebutan, kefasihan dan keberanian dalam bertutur. Berdasarkan konteks ini, kajian ini dijalankan bagi meneliti sejauh mana penggunaan LMS dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Jerman dengan memberi fokus kepada pengalaman pembelajaran pelajar dalam persekitaran dalam talian.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian yang menyokong keberkesanan penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa asing. Ahmad *et al.* (2021) dan Permana (2024) menekankan bahawa penggunaan LMS menyediakan ruang pembelajaran yang fleksibel dan menyokong latihan sendiri. Selain itu, LMS juga memberi maklum balas segera daripada pensyarah dan rakan sebaya yang membantu dalam proses pembelajaran (Alshammari *et al.*, 2018; Lokman & Yahya, 2018).

Fungsi rakaman suara yang disediakan dalam LMS membolehkan pelajar menilai sendiri prestasi pertuturan mereka dan memperbaiki aspek sebutan serta kelancaran. Antoniuk dan Chernysh (2023) mencatatkan bahawa fungsi ini mendorong refleksi sendiri yang berterusan. Selain itu, pelajar turut memanfaatkan sumber luar seperti YouTube dan aplikasi Forvo untuk mendapatkan rujukan sebutan penutur jati (Rosmaladewi, 2024).

Kajian oleh Ivanova *et al.* (2023) dan Schmidt & Braun (2020) pula menegaskan bahawa integrasi teknologi pintar seperti kecerdasan buatan (AI) dan realiti maya (VR) dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran bahasa. Walaupun begitu, beberapa cabaran turut dikenalpasti seperti

masalah capaian internet, motivasi pelajar, dan reka bentuk aktiviti yang kurang kontekstual dalam LMS yang boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran bertutur.

Namun begitu, penggunaan LMS tidak terlepas daripada cabaran. Kajian-kajian mengenal pasti bahawa kekurangan interaksi bersemuka dan kebergantungan tinggi kepada teknologi boleh menghalang perkembangan kemahiran pertuturan secara semula jadi (Schmidt & Braun, 2020; Permana, 2024). Tambahan pula, tidak semua pelajar memiliki kemahiran digital yang mencukupi untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi LMS, terutamanya dalam aspek komunikasi dua hala.

Dapatan daripada pelbagai kajian ini menunjukkan bahawa LMS berupaya menjadi medium berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Jerman sebagai bahasa asing, khususnya dalam penguasaan kemahiran bertutur, sekiranya penggunaannya dirancang secara strategik dan disokong oleh bahan serta latihan yang bersesuaian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua kaedah utama: analisis kandungan dan kajian kes. Analisis kandungan melibatkan penilaian terhadap jurnal dan artikel berkaitan penggunaan LMS dalam pembelajaran bahasa. Kajian kes pula melibatkan seramai 30 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti kursus Bahasa Jerman Persediaan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur bersama 10 orang pelajar. Seramai 10 orang pelajar dipilih daripada 30 peserta kajian untuk ditemu bual secara separa berstruktur. Temu bual ini membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan mengenai pengalaman pelajar dalam menggunakan E-learning UniMAP untuk bertutur dalam Bahasa Jerman. Soalan-soalan temu bual dibina berdasarkan kerangka konseptual pembelajaran digital dan diperhalusi bagi memastikan ia sesuai dengan konteks penggunaan LMS. Temu bual dijalankan secara individu dan direkod untuk tujuan transkripsi dan analisis tematik. Pemerhatian dijalankan terhadap aktiviti pelajar dalam E-learning UniMAP yang berkaitan dengan pertuturan. Pemerhatian meliputi forum perbincangan dalam Google Classroom, di mana pelajar dikehendaki memberikan respon lisan dalam bentuk rakaman suara, sesi perbualan video melalui Google Meet, yang digunakan sebagai medium latihan pertuturan dan interaksi lisan dan latihan pertuturan menggunakan aplikasi seperti ChatGPT, di mana pelajar diberikan tugas untuk melibatkan diri dalam simulasi perbualan dan latihan sebutan.

Aktiviti-aktiviti ini diperhatikan secara berterusan selama 11 minggu, dan catatan dibuat berkenaan tahap penglibatan pelajar, bentuk interaksi serta respons verbal mereka. Pemerhatian terhadap aktiviti komunikasi dalam E-learning UniMAP, seperti forum perbincangan, rakaman suara melalui Google Classroom dan aktiviti perbualan video menggunakan Google Meet. Dokumentasi penggunaan chatbot berasaskan AI seperti ChatGPT untuk latihan sebutan dan perbualan ringkas.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) dalam pembelajaran bahasa membawa banyak manfaat, khususnya dalam meningkatkan kemahiran bertutur. Menurut Lokman dan Yahya (2018), penggunaan aplikasi Recap didapati membantu mempertingkatkan kemahiran interaksi lisan dan menyuntik motivasi pelajar untuk memperbaiki prestasi secara sendiri. Alshammari et al. (2018) pula menyatakan bahawa pelajar yang aktif dalam forum LMS menunjukkan peningkatan dari segi kefasihan bertutur. Sementara itu, Ahmad et al. (2021) menegaskan bahawa LMS membolehkan pembelajaran yang lebih bersifat sendiri dan fleksibel. Penggunaan elemen multimedia seperti audio dan video juga berperanan memperkayakan pengalaman pembelajaran bahasa (Mayer, 2009).

Dalam konteks pembelajaran Bahasa Jerman sebagai bahasa asing, platform seperti Moodle dan Google Classroom telah terbukti berkesan dalam menyokong kemahiran komunikasi lisan pelajar, terutamanya apabila digabungkan dengan teknologi moden seperti kecerdasan buatan dan aplikasi pembelajaran bahasa (Schmidt & Braun, 2020). Kajian oleh Antoniuk dan Chernysh (2023) mendapati bahawa penggunaan Moodle membolehkan pelajar berinteraksi secara lebih aktif melalui forum, kuiz interaktif dan rakaman suara yang memberi ruang untuk pelajar mengamalkan pertuturan secara sendiri. Pelajar juga memanfaatkan bahan-bahan pembelajaran audio-visual untuk meniru sebutan dan gaya pertuturan penutur asli. Evianty & Sari (2022) pula mendapati LMS dapat meningkatkan kualiti kemahiran membaca pelajar dalam Bahasa Jerman.

Kajian Permana (2024) menunjukkan bahawa pelajar Bahasa Jerman menunjukkan peningkatan kemahiran bertutur apabila menggunakan Moodle secara berkala. Walau bagaimanapun, isu seperti keserasian platform dengan peranti mudah alih dan akses internet yang tidak stabil dilaporkan menjejaskan pengalaman pembelajaran sesetengah pelajar. Dalam usaha menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan individu, Ivanova *et al.* (2023) mencadangkan penggunaan pendekatan pembelajaran adaptif yang menyesuaikan kandungan dan tugas mengikut tahap penguasaan pelajar. Melalui pendekatan ini, pelajar yang lemah dalam pertuturan diberikan latihan intensif berbentuk lisan, manakala pelajar yang lebih mahir diberikan tugas komunikasi sebenar seperti debat atau persembahan video. Hasilnya menunjukkan peningkatan yang ketara dalam penguasaan bertutur berbanding kaedah tradisional.

Penggunaan media sosial turut memberi impak dalam konteks ini. Rosmaladewi (2024) melaporkan bahawa penggunaan video YouTube dalam pengajaran Bahasa Jerman memberi kesan positif terhadap motivasi dan pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur. Pelajar lebih yakin menyampaikan maklumat secara lisan setelah menonton dan meniru video yang disediakan oleh penutur asli Bahasa Jerman.

Kaedah dokumentasi melibatkan pengumpulan bahan bertulis dan rakaman audio/video yang dihasilkan oleh pelajar. Ini termasuk log penggunaan LMS, rakaman suara, tugas perbualan, nota suara dalam forum, serta penggunaan aplikasi AI seperti ChatGPT untuk latihan sebutan. Dokumen-dokumen ini dianalisis untuk mengenal pasti corak penggunaan bahasa, tahap penguasaan pertuturan, serta keberkesanan LMS dalam menyediakan ruang latihan yang kondusif dan bersifat interaktif.

Temu bual dan pemerhatian dijalankan sepanjang tempoh satu semester. Respon pelajar direkod dan dianalisis bagi mengenal pasti impak penggunaan LMS terhadap kemahiran bertutur, termasuk aspek keyakinan, sebutan, kelancaran, dan keaktifan dalam interaksi.

HASIL KAJIAN

Menerusi analisis kandungan, beberapa kajian telah meneliti penggunaan LMS dalam mengembangkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Jerman. Sebagai contoh, integrasi LMS dengan buku teks *Netzwerk Deutsch als Fremdsprache* membuktikan bahawa LMS berupaya membantu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar menerusi pendekatan pembelajaran adaptif. Kajian lain pula menumpukan kepada penggunaan aplikasi seperti DW Learn German dalam pembelajaran kemahiran menyemak dan bertutur Bahasa Jerman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi ini berkesan dalam meningkatkan keupayaan mendengar dan kemahiran bertutur pelajar.

Dalam analisis kajian kes, sebahagian besar peserta menyatakan bahawa LMS menyediakan ruang selamat dan fleksibel untuk mereka berlatih bertutur dalam Bahasa Jerman. Pelajar melaporkan bahawa forum Google Classroom, rakaman suara, serta tugas video melalui Google

Meet memberi peluang kepada mereka untuk menyampaikan pendapat secara lisan tanpa tekanan bersemuka.

"Saya rasa lebih yakin bila bercakap dalam forum sebab saya boleh rakam banyak kali sebelum hantar..."

(Pelajar 1)

Kelebihan ini sejajar dengan dapatan oleh Wang et al. (2022) yang menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran digital membolehkan pelajar membina keyakinan sebelum menyampaikan pertuturan sebenar.

Penggunaan chatbot berasaskan AI seperti ChatGPT dikenalpasti sebagai salah satu komponen inovatif dalam proses pembelajaran. Pelajar menggunakan ChatGPT untuk berlatih perbualan asas dan mendapatkan maklum balas segera terhadap struktur ayat atau tatabahasa.

"Saya guna ChatGPT untuk buat simulasi dialog... saya boleh cuba tanya dalam Bahasa Jerman dan tengok jawapan dia betul atau tak."

(Pelajar 3)

Walaupun ChatGPT tidak dapat menilai sebutan secara langsung, pelajar merasakan perbualan berbentuk teks dengan model AI membantu mereka mengenal pasti struktur komunikasi yang betul, memperkukuh kosa kata, dan melatih refleks linguistik sebelum bercakap secara lisan.

Terdapat empat yang dapat diketengahkan dalam kajian kes iaitu peningkatan keyakinan dan penglibatan pelajar, penambahbaikan sebutan dan kefasihan, latihan sendiri dan fleksibiliti masa dan fungsi kecerdasan buatan dan teknologi pintar.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa pelajar berasa lebih yakin untuk bertutur setelah menjalani latihan melalui rakaman suara dan menerima maklum balas yang membina dalam LMS. Rakaman suara memberi peluang untuk mereka mendengar kembali sebutan sendiri dan membuat penambahbaikan. Pelajar juga menunjukkan peningkatan dalam keberanian menyuarakan pendapat dalam forum LMS berbanding kelas fizikal.

Pemerhatian menunjukkan bahawa latihan rakaman audio dan penggunaan aplikasi seperti Forvo serta Google Translate Voice membantu memperbaiki sebutan. Pelajar berusaha meniru sebutan penutur jati. Aktiviti ini dilakukan secara berulang sehingga sebutan dan intonasi menjadi lebih tepat dan lancar. Sebutan perkataan yang betul serta intonasi dapat dimurnikan melalui maklum balas daripada pensyarah dan rakan sebaya.

Kelebihan utama LMS adalah membenarkan pelajar mengakses bahan dan menjalankan latihan mengikut masa sendiri. Ini sangat membantu pelajar yang sememangnya mempunyai komitmen akademik lain atau tahap motivasi yang berbeza. Pelajar juga boleh mengulang aktiviti sebanyak mungkin tanpa tekanan masa, berbeza dengan kelas tradisional.

Sebahagian pelajar menggunakan aplikasi seperti ChatGPT untuk berlatih dialog dalam Bahasa Jerman. AI bukan sahaja membantu mencadangkan struktur ayat yang betul malah turut memberi pembedaan terhadap kesalahan tatabahasa. Interaksi ini meningkatkan kemahiran bertutur serta keyakinan untuk menggunakan bahasa secara spontan. Pensyarah turut menggunakan fungsi kuiz automatik untuk menilai penguasaan kosa kata dan struktur ayat, yang secara tidak langsung menyokong kemahiran lisan.

Walaupun banyak manfaat diperoleh, cabaran juga wujud. Antaranya adalah kebergantungan terhadap teknologi dimana terdapat sambungan internet yang lemah mengganggu interaksi masa nyata. Selain itu, kurangnya interaksi bersemuka dan sesetengah pelajar sukar mengekalkan disiplin dan konsistensi apabila belajar secara sendiri melalui LMS.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa LMS berpotensi besar dalam menyokong dan mempertingkatkan kemahiran bertutur Bahasa Jerman. Fungsi-fungsi interaktif seperti forum, rakaman suara, serta integrasi teknologi pintar menyumbang kepada peningkatan keyakinan, kefasihan, dan ketepatan sebutan pelajar. Walaupun cabaran wujud, ia boleh diatasi melalui reka bentuk pengajaran yang adaptif, sokongan motivasi, dan peningkatan infrastruktur teknologi.

Sebagai cadangan, integrasi teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), realiti maya (VR), serta pendekatan gamifikasi boleh memperkaya lagi pengalaman pembelajaran dalam LMS. LMS perlu dilihat bukan sekadar alat sokongan, tetapi sebagai platform utama dalam pembelajaran bahasa yang inklusif, interaktif dan menyeronokkan.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Jamal, N., & Roslan, R. (2021). Pembelajaran Bahasa Secara Dalam Talian: Implikasi Terhadap Kemahiran Bertutur. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 11(2), 45-58.
- Ahmad, N., Ismail, S., & Yunus, M. M. (2021). The impact of learning management systems in language learning: A Malaysian perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 234-248.
- Alshammari, S. H., Parkes, M., & Adlington, R. (2018). Using students' experiences to derive effectiveness of e-learning in higher education: A case study. *Education and Information Technologies*, 23(6), 2443-2464.
- Alshammari, R., Parkes, M., & Adlington, R. (2018). Using student interaction with a learning management system to predict final grades. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (ijET)*, 13(9), 183-193.
- Antoniuk, M., & Chernysh, O. (2023). Moodle platform in the study of German as a second foreign language. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/380197093>.
- Đukić-Mirzayantz, M. D. (2019). The effectiveness of learning German on Moodle. *Inovacije u nastavi*, 32(3), 130-150.
- Evianty, R., & Sari, R. (2022). Development of Moodle-based e-learning for German reading A2. *BiolaE: Jurnal Pendidikan Bahasa Jerman*, 4(1), 28-38. <https://doi.org/10.24036/biolae.v4i1.117467>.
- Ivanova, T., Sergeeva, M., & Mishina, I. (2023). Adaptive learning for improving German-speaking skills in the digital age. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/360240864>.
- Lokman, A. M., & Yahya, N. A. (2018). Enhancing speaking skills using Recap application among ESL learners. *Journal of Education and E-Learning Research*, 5(1), 67-72.
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning (2nd ed.)*. Cambridge University Press.
- OpenAI. (2025). ChatGPT (May 3 version) [Large language model]. <https://chat.openai.com/>.
- Permana, R. (2024). Evaluasi penggunaan LMS Moodle dalam pembelajaran Bahasa Jerman di UPI. *EduLearn: Jurnal Pendidikan dan Teknologi Pembelajaran*, 14(1), 12-24.
- Rosmaladewi, R. (2024). The effectiveness of YouTube videos in improving students' German speaking skills. ERIC. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1434829.pdf>.
- Schmidt, M., & Braun, K. (2020). Digitales Deutschlernen: Chancen und Herausforderungen beim Einsatz von Lernplattformen. *Zeitschrift für Fremdsprachenpädagogik*, 36(1), 12-27.
- Schmidt, H., & Braun, L. (2020). Integrating AI into German language learning: Opportunities and challenges. *Journal of Language and Technology*, 10(3), 55-69.

Sudarmaji, S., & Rikfanto, A. (2022). Adaptive learning for improving German-speaking skills in the digital age. *Eralingua*, 6(1), 120–139.

TEMU BUAL

Pelajar 1

- Penemu Bual (PB) : Hai! Boleh kamu kongsi sikit pengalaman guna LMS untuk belajar cakap dalam Bahasa Jerman?
- Pelajar 1 (P1) : Hai! Boleh. Mula-mula saya agak takut nak rakam suara sendiri, tapi bila dah biasa, saya rasa seronok sebab boleh ulang-ulang rakam. Suara makin jelas dan sebutan makin betul.
- PB : Wah, bagus tu. Macam mana pula bila kena bercakap dalam forum atau semasa kelas dalam talian?
- P1 : Saya lebih suka forum. Saya rasa lebih yakin bila bercakap dalam forum sebab saya boleh rakam banyak kali sebelum hantar. Saya juga rasa kurang segan sebab boleh fikir dulu sebelum tulis atau rakam. Kalau dalam kelas biasa, saya selalunya diam ja.
- PB : Ada tak awak guna apa-apa sumber lain selain LMS?
- P1 : Ada! Saya suka guna Forvo untuk dengar sebutan asli, dan tengok video Bahasa Jerman kat YouTube. Kadang-kadang saya tanya ChatGPT juga untuk betulkan ayat saya.

Pelajar 2

- PB : Hai! Apa cabaran paling besar awak masa guna LMS untuk belajar bercakap Jerman?
- Pelajar 2 (P2) : Hai! Hmm, kadang-kadang internet slow, jadi lambat nak upload audio. Tapi saya suka sebab boleh belajar ikut masa sendiri. Tak terikat sangat.
- PB : LMS bantu tak dalam sebutan awak?
- PB2 : Membantu juga! Bila Frau bagi feedback balik audio saya. Saya dengar balik dan perbaiki. Saya pun suka ulang balik, jadi tahu mana salah.

Pelajar 3

- PB : Awak ada guna aplikasi lain tak masa belajar bertutur?
- Pelajar 3 (P3) : Saya guna ChatGPT! Saya taip ayat, lepas tu saya cakap ikut ayat tu. Best sebab saya tahu struktur ayat tu betul. Saya juga boleh cuba tanya dalam Bahasa Jerman dan tengok jawapan dia betul atau tak.
- PB : Nampak ada peningkatan tak sejak mula semester?
- P3 : Ada beza la jugak! Dulu saya takut nak cakap. Sekarang saya dah boleh cakap ayat pendek dengan yakin. LMS banyak bantu saya buat latihan bercakap.

Pelajar 4

- PB : Apa aktiviti LMS yang paling menarik bagi kamu?
- Pelajar 4 (P4) : Saya suka aktiviti rakaman macam lakonan. Contohnya, kami kena buat perbualan seolah-olah baru berjumpa kenalan baru. Ada skrip dah. Lagi feel untuk berlakon.
- PB : Ada cadangan untuk LMS supaya lagi best?
- P4 : Mungkin boleh tambah VR atau game interaktif. Kalau macam tu, boleh praktik bercakap dalam situasi sebenar. Lagi menyeronokkan!

Pelajar 5

- PB : Apa yang buat kamu suka guna LMS untuk bertutur?
 Pelajar 5 (P5) : Mula-mula sebab nak lengkapkan latihan je. Tapi lama-lama rasa seronok pula bila boleh cakap.
 PB : Ada time rasa tak mau join tak?
 P5 : Mestilah ada. Tapi bila tengok kawan-kawan lain aktif, saya pun rasa nak join juga. Frau pun selalu bagi semangat.
-

Pelajar 6

- PB : Guna tak LMS lepas waktu kelas?
 Pelajar 6 (P6) : Guna juga. Kadang-kadang saya buka semula rakaman lama dan bandingkan dengan rakaman baru. Saya rasa sebutan saya makin ok.
 PB : LMS buat awak rasa lebih bebas belajar tak?
 P6 : Ya. Saya boleh buat ikut masa saya sendiri. Tak stres sangat.
-

Pelajar 7

- PB : Ada tak aktiviti LMS yang kurang membantu?
 Pelajar 7 (P7) : Ada juga. Kadang-kadang aktiviti terlalu teknikal, macam banyak klik tapi tak banyak bercakap. Saya lebih suka aktiviti rakaman dan forum suara.
 PB : Jadi, kamu ada cadangan apa?
 P7 : Aktiviti tu biar lebih fokus pada bercakap. Macam latihan simulasi dalam game ke.
-

Pelajar 8

- PB : Ada tak perasaan malu bila kena rakam suara?
 Pelajar 8 (P8) : Pada awalnya ya, malu dan tak confident. Tapi bila semua orang pun kena buat, rasa boleh la cuba. Lagipun rakaman tu tak live, jadi boleh ulang sampai puas hati.
 PB : Ada apa-apa tips nak bagi pada pelajar lain?
 P8 : Jangan takut salah. Kita belajar. Dan dengar rakaman sendiri tu sangat membantu.
-

Pelajar 9

- PB : Kamu lebih suka belajar sendiri atau secara berkumpulan dalam LMS?
 Pelajar 9 (P9) : Saya suka belajar sendiri dulu, lepas tu baru bincang dengan kawan.
 PB : Kamu rasa LMS patut ditambah apa?
 P9 : Mungkin leaderboard atau reward system mcm dalam kahoot tu. Boleh jadi lebih kompetitif dan seronok.
-

Pelajar 10

- PB : Kalau dibandingkan dengan kelas fizikal, LMS ni okay tak?
 Pelajar 10 (P10) : LMS okay, sebab lebih fleksibel. Tapi saya rasa macam nak cuba berkomunikasi jugak face to face bersama kawan dan madam. Saya rasa ada dua-dua mungkin lagi ok.
 PB : Jadi kamu sokong yang LMS ni boleh digunakan untuk pertingkatkan kemahiran bertutur?
 P10 : Ya, saya sokong.